



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	31/8/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	: 17
JABATAN	:	ST		

Harian Metro | Selasa 31.08.2021

@hmetromy | Facebook: HarianMetro | @hmetromy | www.hmetro.com.my 17

lokal

Pengendali perlu ada tauliah

Perakuan Kekompetenan oleh Suruhanjaya Tenaga pastikan keselamatan sektor elektrik, gas



Kuala Lumpur

Kemalangan disebabkan oleh elektrik dan kebocoran gas bukan sahaja boleh mendatangkan kemusnahan harta benda, malah boleh menyebabkan kecederaan mahupun kehilangan nyawa manusia jika aspek pengendalian pemasangan gagal mengikut prosedur keselamatan.

Oleh itu, penting untuk memastikan hanya individu bertauliah iaitu orang kompeten memegang Perakuan Kekompetenan dari Suruhanjaya Tenaga (ST) sahaja layak mengendalikan pemasangan berkenaan.

Persijilan dari ST satu pengiktirafan bertujuan bagi meyakinkan orang ramai pemegangnya orang kompeten dan dapat menjalankan tugas dengan selamat serta boleh dipercayai.

Ketua Pegawai Operasi ST, Ir Abdul Rahim Ibrahim berkata, ST bertanggungjawab mengeluarkan perakuan kekompetenan dalam bidang elektrik dan gas berpaip selaras dengan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan

Akta Bekalan Gas 1993.

"Akta Bekalan Elektrik 1990 menyatakan tiada pemasangan atau loji atau kelengkapan elektrik selain dipunyai atau diuruskan pihak berkuasa bekalan boleh dikendalikan kecuali oleh atau di bawah kawalan orang yang ada apa-apa kelayakan dan memegang apa-apa perakuan sebagaimana ditetapkan.

"Peraturan ketat mengenai keperluan orang kompeten dalam sektor elektrik bagi melindungi keselamatan dan kepentingan pengguna kerana ia membabitkan risiko tinggi," katanya.

Abdul Rahim berkata, bagi industri elektrik ketika ini ada enam kategori Perakuan Kekompetenan dalam sektor elektrik dikeluarkan ST iaitu jurutera perkhidmatan elektrik, jurutera elektrik kompeten, penyelia elektrik, penjaja jentera, pendawai dan

pencantum kabel.

Menurutnya, persijilan kategori jurutera perkhidmatan elektrik, jurutera elektrik kompeten dan penyelia elektrik dijalankan melalui temu duga profesional mengikut syarat dalam Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

Manakala bagi persijilan kekompetenan Penjaja Jentera, Pendawai dan Pencantum Kabel calon perlu memohon melalui institusi latihan bertauliah yang menjalankan kursus kekompetenan berkenaan. Sehingga kini ada 140 institusi latihan ditauliahkan ST.

ST sudah menetapkan sukatan pelajaran dan tempoh kursus bagi setiap kategori kekompetenan yang ditauliah.

Jumlah kuota pelatih diluluskan berdasarkan syarat seperti tenaga pengajar berkemampuan, peralatan kerja, peralatan ujian dan rumah contoh serta kelengkapan pembelajaran mengikut kursus dipohon.

Menurut Abdul Rahim, adakalanya Perakuan Kekompetenan dari ST diguna pakai majikan di luar negara termasuk di Timur Tengah dan



CONTOH Kad Pendaftaran Orang Kompeten yang berdaftar dengan ST.

Australia, ST menerima pertanyaan dari mereka memohon pengesahan perakuan itu.

"Ada pemegang Perakuan Kekompetenan ST ini mendapat tawaran kerja di luar negara, terutama dalam bidang minyak dan gas.

"Pemegang Perakuan Kekompetenan memohon supaya perakuan dialih bahasa ke bahasa Inggeris untuk memudahkan semakan

oleh majikan," katanya. Sementara itu, dalam industri gas berpaip, orang kompeten merujuk kepada mereka yang menjalankan kerja seperti pemasangan, pembinaan, penyenggaraan, pembaikan atau pengendalian mana-mana sistem gas berpaip atau pasangannya.

Orang kompeten gas terbahagi kepada beberapa kelas iaitu jurutera gas, pe-

nyelia kejuruteraan gas, jurugegas gas kelas I, jurugegas gas kelas II dan jurugegas gas kelas III.

Abdul Rahim berkata, tanggungjawab orang kompeten gas seperti pengendorsan pelan, pengendorsan perakuan siap kerja, pengendorsan perakuan ujian serta pembaikan dan penyenggaraan pemasangan gas.

Di samping itu, khidmat orang kompeten gas diperlukan untuk pemeriksaan berkala sistem gas berpaip dan pemasangannya mengikut kekerapan ditetapkan peraturan. Pemasangan domestik misalnya perlu diperiksa, diuji dan diperakukan orang kompeten setiap tiga (3) tahun manakala pemasangan yang selanjutnya setiap dua tahun sekali.

"Oleh itu, pematuhan terhadap syarat persijilan amat diambil berat dan kami tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap pihak terbukti melakukan kesalahan seperti pernyataan palsu, kelalihan berat atau salah laku serius," katanya.

Untuk maklumat lanjut boleh layari laman web ST di www.st.gov.my atau jika ada aduan boleh disalurkan kepada ST melalui sistem eAduan yang boleh dicapai di laman web sama atau melalui talian 03-8870 8800.



ABDUL Rahim

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia